

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2010**

---

**BAHASA MELAYU TINGKATAN 5**

**KERTAS 2**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

**Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak**

**Soalan 1 : Rumusan****Pendahuluan**

Petikan membincangkan manfaat/faedah/kebaikan/kepentingan makanan organik kepada orang ramai.  
[2 markah]

**Isi tersurat (manfaat/faedah/kebaikan/kepentingan)**

[4-12 markah]

1. Kualiti makanan yang lebih tinggi.
2. Bebas daripada racun serangga.
3. Mengurangkan pendedahan kepada hormon dan antibiotik.
4. Mengandungi bahan atau ramuan organik dan tidak mempunyai sebarang bahan tambahan makanan.
5. Mempunyai nilai nutrisi yang lebih tinggi.
6. Pengambilannya secara berterusan mampu memupuk diet dan tabiat pemakanan yang sihat.
7. Mengubah gaya hidup dan kesihatan seseorang.
8. Mengelakkan kos perubatan yang tinggi pada kemudian hari.
9. Melindungi generasi akan datang daripada terus memakan makanan yang dicemari.
10. Mengelakkan nutrien dan rasanya lebih sedap.

**Isi tersirat (langkah-langkah)**

[4-12 markah]

1. Mengadakan kempen kepada masyarakat tentang kepentingan makanan organik.
2. Insentif kepada pengusaha makanan organik.
3. Menjual produk makanan organik pada harga yang lebih murah.
4. Menanam sendiri sayur-sayuran dengan kaedah tanaman organik.
5. Peranan media massa mendedahkan lebih banyak maklumat kebaikan makanan organik.
6. Memberi kursus dan bimbingan kepada pihak yang berminat dengan tanaman organik.

(isi-isi lain yang difikirkan sesuai diterima)

**Penutup**

[2 markah]

Kesimpulannya, masyarakat/orang ramai perlu mengambil makanan organik supaya tahap kesihatan mereka terus terpelihara.

**Soalan 2 (a) : Pemahaman Petikan Umum****Markah**

- (i) Maksud rangkai kata manfaat implisit di sebaliknya – faedah tersirat pengambilan makanan organik. 2

**[maksimum; 2 markah]**

- (ii) Sumbangan;
- tidak mencemarkan alam sekitar seperti sungai dan tanah 1
  - menggunakan tenaga yang kurang daripada kaedah pertanian biasa 1
  - dapat menahan lebih banyak karbon di dalam tanah 1
  - mengurangkan pelepasan karbon dioksida ke atmosfera 1

**[maksimum: 3 markah]**

- (iii) Punca-punca;
- kurang kesedaran perlunya mengambil makanan bebas bahan kimia 1
  - kurang pendedahan manfaat makanan organik 1
  - sukar mendapatkan bekalan makanan organik 1
  - harga makanan organik lebih mahal daripada makanan biasa 1
  - persepsi negatif terhadap makanan organik iaitu makanan untuk orang yang dihidapi penyakit/makanan golongan atasan. 1

( isi-isi lain yang difikirkan sesuai diterima)

**[maksimum :4 markah]**

**Soalan 2 ( b ) – Petikan Drama****Markah**

- (i) - Majid berasa kurang senang dengan cara Safiah berpakaian 1 m  
   - Majid menyampaikan ketidaksenangan itu kepada Umar 1 m  
   - Majid bertanya kepada Umar tentang kekerapan Safiah memakai seluar 1 m

**[ Maksimum : 2 markah]**

- (ii) - pengaruh media massa dalam menonjolkan cara berpakaian moden secara berleluasa 1 m  
   - menganggap pakaian moden selaras dengan perkembangan semasa 1 m  
   - terdapat banyak pertunjukan fesyen secara realiti 1 m  
   - kurang didikan agama 1 m  
   - ibu bapa tidak menunjukkan contoh berpakaian yang baik kepada anak-anak 1 m
- (iii) Satu nilai dalam petikan:  
   - menghormati tetamu, misalnya ibu Safiah menerima kehadiran Majid ke rumahnya dengan senang hati 1 m

Dua nilai dalam keseluruhan drama :

- kasih sayang misalnya Umar dan Safiah saling menyayangi 1 m
- semangat patriotisme, misalnya Umar yang bertegas mahu menjadi guru untuk mendidik anak bangsa 1 m

**[ Maksimum : 3 markah]**

**Soalan 2 ( c ) – Petikan Prosa Klasik****Markah**

- i) - bayan berpura - pura meninggal dunia /menjadikan diri mati

1

**[ Maksimum : 2 markah]**

- ii) - sangat marah lalu turun ke tanah  
 - memaki hamun kepada burung bayan  
 - merungut dirinya tertipu  
 - berhasrat membunuh bayan yang masih hidup/ ada

1

1

1

1

**[ Maksimum : 3 markah ]**

- iii) - mendapat keuntungan daripada menjual bayan tersebut  
 - mungkin menghadapi masalah kewangan pada ketika itu  
 - menjual haiwan hutan di pasaran gelap  
 - menjadikan sebagai binatang ternakan  
 - menggambarkan kenakalan dalam kalangan budak-budak

1

1

1

1

1

(isi-isi lain yang sesuai diterima)

**[ Maksimum : 3 markah ]**

**Soalan 2 ( d ) - Syair Kelebihan Ilmu****Markah**

i) Maksud rangkai kata

- ilmu itu tidak dapat dinilai dengan wang ringgit 1
- ilmu merupakan penyelesaian bagi sebarang masalah/sumber 1

(isi-isu lain yang sesuai diterima)

**[ Maksimum : 2markah]**

(ii) Kepentingan ilmu

- menunjukkan identiti seseorang 1
- rasional dalam tindakan seseorang 1
- dapat menjamin kehidupan seseorang 1
- dihormati oleh masyarakat 1
- memelihara martabat bangsa 1

( isi-isu lain yang sesuai diterima )

**[ Maksimum : 3 markah]**

(iii) Melalui :

- pembacaan yang luas 1
- pengamatan terhadap kejadian atau peristiwa yang berlaku 1
- perbincangan dengan para ilmuan 1
- sentiasa belajar tanpa batasan umur / geografi 1
- membuat penyelidikan terhadap sumber alam 1

(isi-isu lain yang sesuai diterima )

**[ Maksimum : 4markah]**

### Soalan 3

**Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:**

Soalan 3 (a) : 6 markah

Soalan 3 (b) : 6 markah

Soalan 3 (c) : 6 markah

Soalan 3 (d) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  **markah** bagi kesalahan **ejaan / jalan bahasa / tanda baca** daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa berikan **0 markah**.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0 markah**.
5. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih tolak  $\frac{1}{2}$  **markah** bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan dipakai dalam **satu ayat** berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas tolak  $\frac{1}{2}$  **markah**.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.

#### Soalan 3

##### (a) Membina ayat

- |                     |   |
|---------------------|---|
| (i) jalin           | - anyam/rangkai/susun.  |
| (ii) menjalin       | - menganyam/merangkaikan/menyusun/mewujudkan mengeratkan.                       |
| (iii) terjalin      | - teranyam/terangkai/terselip/telah wujud/kerjasama.                            |
| (iv) jalinan        | - sesuatu yang dijalin.   |
| (v) penjalin        | - orang yang menjalin sesuatu/tali dan lain-lain yang digunakan untuk menjalin. |
| (vi) memperjalinkan | - menjadikan berjalin atau berangkai.   |

[6 markah]

**(b) Petikan dialog kepada petikan biasa(cakap pindah)**

Ana mengajak Siti ke perpustakaan pada petang itu. Lalu Siti bertanya kepada Ana tentang tujuannya hendak ke perpustakaan. Ana menyatakan bahawa dia hendak mencari maklumat tentang tokoh kemerdekaan. Siti ingin tahu akan sebab Ana hendak mencari maklumat tersebut. Ana memberitahu Siti bahawa cikgu Rosli memintanya menulis eseи berkenaan kemerdekaan. Siti kurang bersetuju dengan tindakan Ana kerana maklumat tersebut boleh diperolehi melalui Internet. Ana mengeyak pandangan Siti tetapi dia memaklumkan hendak membaca maklumat daripada sumber lain.

[6 markah]

**(c ) Ejaan dan Imbuhan**

- |                             |   |
|-----------------------------|---|
| (i) pehak<br>membayarkan    | - pihak (ejaan)<br>- membayar (imbuhan)   |
| (ii) plan<br>Memperbesarkan | - pelan (ejaan)<br>- memperbesar(imbuhan) |
| (iii) dailog<br>kedengaran  | - dialog (ejaan)<br>- mendengar (imbuhan) |

[6 markah]

**(d) Kata/istilah dan Tatabahasa**

- |  |  |
|--|--|
| (i) menghindarkan<br>menjelaskan tentang cara-cara | - menyelamatkan (kata/istilah)<br>- menjelaskan cara-cara (tatabahasa) |
| (ii) asas<br>berjuta ringgit                       | - awam(kata/istilah)<br>- berjuta-juta ringgit (tatabahasa)            |
| (iii) soal selidik<br>beliau siapkan               | - kertas kerja (kata/istilah)<br>- disiapkan oleh beliau (tatabahasa)  |

[6 markah]

**(e) Peribahasa**

- (i) hangat-hangat tahi ayam
- (ii) kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
- (iii) sehari selembar benang, lama-lama menjadi kain/ sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit

[6 markah]

**(a) Novel Terminal Tiga**  
**Nilai berdikari**

- ... Berdikari dalam menuntut ilmu. Contohnya, Rimpa yang berhijrah ke Kuala Lumpur seorang diri untuk melanjutkan pelajaran ke Akademi Seni Kebangsaan.
- ... Berdikari dalam mencari ayahnya. Contohnya, Rimpa telah mencari ayahnya tanpa bantuan sesiapa hingga ke Nabawan .

**Novel Seteguh karang**

- ... Berdikari dalam menuntut ilmu. Contohnya, Awanis mendaftarkan diri ke UiTM, Arau Perlis seorang diri.
- ... Berdikari meneruskan hidup tanpa ibu bapa. Contohnya, Awanis dapat menjaga kakak dan adiknya, Anita .
- ... Berdikari menyelesaikan masalah kehidupan. Contohnya, Awanis menyelesaikan masalah Anita yang menghadapi konflik dengan ibu bapanya .

**( Isi - isi lain yang sesuai diterima )**

**(b) Unsur Suspens**  
**Novel Terminal Tiga**

- ... Rimpa menerima berita bahawa seorang kerani baru yang bekerja di Akademi Seni Kebangsaan bernama Ruzaini. Perkara tersebut menimbulkan tanda tanya kepada pembaca siapa sebenar Ruzaini sama ada kawan baik Rimpa atau sebaliknya .
- ... Kehilangan ayah Rimpa secara tiba-tiba menimbulkan tanda tanya, sehingga selepas berpuluhan-puluhan tahun barulah ayah Rimpa pulang semula ke pangkuhan keluarga .

**Novel Seteguh Karang**

- ... Peristiwa Awanis yang dicabar oleh En Johari menaiki motorsikal tanpa brek sewaktu menjalani prktikalnya di ladang kelapa sawit, Paka, Terengganu. Pembaca akan tertanya-tanya sama ada Awanis berjaya atau tidak .
- ... Peristiwa Kak May yang menelan ubat tidur secara berlebihan dan telah dimasukkan ke hospital. Peristiwa tersebut menimbulkan tanda tanya sama ada Kak May selamat atau tidak.

**( Isi - isi lain yang sesuai diterima )**

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**